

09/10/2002

Kebakaran kapal minyak bukan sabotaj

PETALING JAYA, Selasa - Kebakaran kapal minyak yang disewa Petronas di perairan Yemen kelmarin bukan perbuatan sabotaj oleh mana-mana pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan, kejadian itu berlaku disebabkan pintasan elektrik disebabkan kapal berkenaan membawa minyak, ia mudah meletup walaupun akibat kebakaran kecil.

"Saya diberitahu kejadian ini adalah kerana pintasan elektrik, masa bawa minyak, bila ada sedikit saja kebakaran ia boleh jadi, laporan Petronas tidak mensyaki apa-apa sabotaj.

"Cable News Network (CNN) yang mengesyaki... CNN mengesyaki semua," katanya selepas merasmikan Persidangan Ekonomi Malaysia-China 2002, di sini hari ini.

Petronas, dalam satu kenyataan semalam mengesahkan kapal tangki Perancis, MT Limburg itu disewa anak syarikatnya, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC).

Kapal berkenaan membawa 400,000 tong minyak mentah dari Ras Tanura, Arab Saudi untuk dihantar ke pusat penapisan di Melaka. Ketika kejadian, ia dalam perjalanan ke Ash Shihr di Yemen untuk mengambil 1.5 juta tong minyak mentah, sebelum pulang ke Malaysia.

Bagaimanapun letupan kapal minyak itu dilaporkan angkara penganas kerana ia berlaku berhampiran lokasi serangan berani mati menggunakan bot yang dimuatkan dengan letupan ke atas kapal pemusnah Amerika Syarikat (AS), USS Cole, pada Oktober 2000.

Bulan lalu, tentera laut AS mengeluarkan amaran kapal minyak yang melalui perairan Teluk mungkin menjadi sasaran al-Qaeda, yang dituduh AS melancarkan serangan berani mati ke atas New York 11 September tahun lalu.

Dr Mahathir, ketika ditanya, kemungkinan Petronas akan mengalami kerugian berikutan kejadian itu, berkata:

"Kejadian itu tidak mendatangkan kerugian besar kepada Petronas kerana hanya membabitkan kebakaran kecil dan ia juga sudah diinsuranskan," katanya.